



**GARIS PANDUAN
PENGENDALIAN PENGEMBARA YANG TIBA DI
MALAYSIA DARI NEGARA BERISIKO
MENGALAMI TRANSMISI
YELLOW FEVER (DEMAM KUNING)**

**BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2014**

KANDUNGAN

PRAKATA

PENASIHAT, EDITOR, LEMBAGA EDITORIAL

PENGHARGAAN, SENARAI PENYUMBANG

DEFINISI

1. **PENGENALAN**
2. **OBJEKTIF GARIS PANDUAN**
3. **KEPERLUAN KESIHATAN DAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KEMASUKAN PENYAKIT *YELLOW FEVER* DI MALAYSIA**
4. **PROSEDUR PENGENDALIAN PENGEMBARA YANG TIBA DI MALAYSIA DARI NEGARA BERISIKO MENGALAMI TRANSMISI *YELLOW FEVER* DI PINTU MASUK ANTARABANGSA**

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

PRAKATA

Malaysia adalah salah sebuah negara yang menandatangani *International Health Regulations* (IHR) 2005. Peraturan-peraturan ini telah diterima pakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2005 dan berkuatkuasa pada 15 Jun 2007. Peraturan-peraturan ini juga melibatkan pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit termasuklah untuk penyakit *Yellow fever* (Demam kuning).

Garis panduan ini bertujuan untuk menyeragamkan prosedur pengendalian pengembara yang tiba dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*. Ia disediakan berdasarkan kepada keperluan IHR 2005 dan pengalaman pegawai-pegawai serta petugas kesihatan di lapangan terutamanya di pintu-pintu masuk antarabangsa negara.

Tahniah diucapkan kepada Sektor Kesihatan Antarabangsa, Bahagian Kawalan Penyakit kerana berjaya mengumpulkan pelbagai pakar yang berkaitan bagi menyusun dan membukukan garis panduan ini untuk kegunaan petugas di lapangan. Adalah diharapkan dengan adanya garis panduan ini, ia dapat menjadikan prosedur pengendalian pengembara yang tiba dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* menjadi lebih teratur dan berkesan.

Semoga usaha ini dapat mengekalkan Malaysia sebagai negara yang bebas daripada penyakit *Yellow fever*.

Terima kasih.

Dr. Chong Chee Kheong
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

2014

PENASIHAT

YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim Sulaiman

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr. Chong Chee Kheong

Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

EDITOR

Dr. Norhayati Rusli

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan)
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

LEMBAGA EDITORIAL

Dr. Husna Maizura Ahmad Mahir

Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Sektor Kesihatan Antarabangsa
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Liyanatul Najwa Zakaria

Penolong Pengarah Kanan
Sektor Kesihatan Antarabangsa
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Encik Othman Daud

Pegawai Kesihatan Persekitaran
Sektor Kesihatan Antarabangsa
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

Encik Radhakrishnan Nair

Ketua Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
Sektor Kesihatan Antarabangsa
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGHARGAAN

Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyediakan, menyusun dan membukukan garis panduan ini diucapkan ribuan terima kasih.

SENARAI PENYUMBANG

Dr. Norhayati Rusli
Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit
(Survelan)
Ketua Sektor Kesihatan Antarabangsa
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Rose Nani Mudin
Ketua Sektor Penyakit Bawaan Vektor
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Murniati bt Hj. Hassan
Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri
(Perubatan)
Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya

Dr. Husna Maizura Ahmad Mahir
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Kawalan Penyakit

Dr. Shahanizan Mohd. Zin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr. Kasuadi bin Hussin
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Perkembangan Perubatan

Dr. Husnina Ibrahim
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Cheras
Jabatan Kesihatan WPKL

Dr. Maria Suleiman
Pegawai Epidemiologi Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

Dr. Harishah Talib
Pegawai Epidemiologi Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

Dr. Rohani Ismail
Pegawai Epidemiologi Negeri
Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya

Dr. Rachel Koshy
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

Dr. Othman Warijo
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Putrajaya

Dr. Zainal Abidin bin Abu Bakar
Pegawai Epidemiologi
Pejabat Kesihatan Putrajaya

Dr. Param Jeeth Singh
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang

Dr. Azmi bin Abdul Rahim
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan KLIA

Dr. Surinah bt Asan
Pegawai Epidemiologi
Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru

Dr. Sunita bt Abdul Rahman
Pegawai Kesihatan
Pejabat Kesihatan Pelabuhan dan Lapangan
Terbang Pulau Pinang

Dr. Ruziana bt Mis
Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

Tuan Haji Wagimon Amat
Ketua Unit Inspektorat dan Perundangan
Jabatan Kesihatan Awam

Encik Dass a/l Kandunni
Ketua Unit Inspektorat dan Perundangan
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

Encik Mohamed Idris bin Haron
Penolong Pegawai Perubatan Kanan
Jabatan Kesihatan WPKL & Putrajaya

Dr Razitasham Shafie
Pegawai Epidemiologi Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

1. PENGENALAN

Yellow fever adalah satu penyakit berjangkit yang akut yang disebabkan virus *Yellow fever* yang tergolong dalam keluarga virus *Flaviviridae* yang mana kebanyakannya adalah bawaan arthropod. Virus *Yellow fever* ini dibawa atau ditularkan oleh vektor, nyamuk *Aedes aegypti*.

Yellow fever merupakan penyakit yang perlu dinotifikasi di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Berdasarkan pemantauan Kementerian Kesihatan Malaysia, **tiada** kes *Yellow fever* yang dilaporkan di Malaysia sehingga kini.

Negara–negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* adalah seperti di beberapa negara di Afrika, Amerika Selatan dan Amerika Tengah dalam senarai Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) (Lampiran 1).

Malaysia mempunyai risiko transmisi jangkitan penyakit *Yellow fever* kerana terdapat vektor, iaitu nyamuk *Aedes aegypti*. Virus *Yellow fever* boleh dibawa masuk ke Malaysia melalui pengembara sama ada warganegara Malaysia ataupun warga negara asing yang tiba dari negara yang berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* dan tidak mendapat vaksinasi *Yellow fever* yang sah.

Tanda dan gejala klinikal

Tempoh inkubasi penyakit *Yellow fever* adalah enam (6) hari. Seseorang yang dijangkiti penyakit *Yellow fever* boleh mempunyai pelbagai tanda dan gejala klinikal yang ringan sehingga teruk (*severe*) dan boleh membawa kepada kematian. *Yellow fever* boleh dibahagikan kepada dua (2) fasa iaitu:-

- i. Fasa akut dengan demam tiba-tiba, sakit otot terutamanya sakit belakang, sakit kepala, gigit (*shivers*), kurang selera makan (*loss of appetite*), dan mual atau muntah. Kebanyakan pesakit akan bertambah baik dan gejala berakhir selepas tiga (3) hingga empat (4) hari. Namun demikian, sebanyak 15% pesakit memasuki fasa toksik dalam tempoh 24 jam awal keredaan (*initial remission*).
- ii. Fasa toksik. Gejala meliputi demam kuat, jaundis, sakit abdomen dan muntah. Pendarahan boleh berlaku daripada mulut, hidung, mata dan pendarahan dalam abdomen, diikuti oleh kerejatan (*shock*) dan kegagalan pelbagai sistem organ. Kadar kematian kes (*case-fatality rate*) bagi kes teruk dengan kegagalan hepatorenal adalah di antara 20% hingga 50% dalam tempoh sepuluh (10) hingga 14 hari.

2. DEFINISI

Kuarantin kesihatan

Menghadkan aktiviti dan/atau memisahkan daripada orang lain, kecuali kakitangan yang bertanggungjawab atas penjagaan atau pengasingan orang-orang yang tersebut, orang-orang yang disyaki dijangkiti penyakit dan tidak

sakit, mengikut apa-apa cara untuk mencegah merebaknya jangkitan penyakit (IHR, 2005).

Pengawasan kesihatan

Pengenaan mana-mana orang yang tidak diasingkan kepada pemeriksaan atau siasatan berkala bagi maksud menentukan keadaan kesihatannya dan kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh pegawai diberikuasa bagi maksud itu (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta 342).

Pengembara

Mana-mana orang yang melakukan perjalanan antarabangsa (IHR 2005). Pengembara termasuklah juruterbang, pemandu, anak kapal, penumpang kapal, pesawat, kenderaan dan sebagainya.

Petugas Kesihatan

Anggota dalam perkhidmatan kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa tempatan yang sedang menjalankan tugas kesihatan dalam mana-mana kawasan, daerah atau kawasan pihak berkuasa tempatan, termasuk di pintu masuk antarabangsa.

Pihak Atasan Kementerian Kesihatan Malaysia

Terdiri daripada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Pengarah Kawalan Penyakit, dan Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan), Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Stesen Kuarantin

Mana-mana tempat di mana pengasingan atau penghadan dijalankan dan termasuklah sesuatu hospital penyakit berjangkit dan mana-mana tempat yang diisytiharkan oleh Menteri dalam warta sebagai stesen kuarantin.

3. OBJEKTIF GARIS PANDUAN

Garis panduan ini disediakan untuk menjelaskan prosedur yang perlu dijalankan oleh petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa dan di lapangan berkaitan dengan pengendalian pengembara yang tiba di Malaysia dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*.

3.1 Objektif Umum

Untuk mencegah kemasukan virus *Yellow fever* ke dalam negara dan mengekalkan Malaysia sebagai negara bebas penyakit *Yellow fever*.

3.2 Objektif Khusus

Untuk menyediakan prosedur yang seragam di pintu masuk antarabangsa bagi menjalankan aktiviti;

- i. saringan pengembara yang tiba dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*.
- ii. kuarantin atau pengawasan kesihatan kepada pengembara yang tidak mematuhi keperluan kesihatan *Yellow fever*.

4. KEPERLUAN KESIHATAN DAN LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KEMASUKAN PENYAKIT *YELLOW FEVER* DI MALAYSIA

Berdasarkan *International Health Regulations* (IHR) 2005, sesebuah negara boleh mengkehendaki seseorang yang pernah melawat negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* supaya mengemukakan sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* yang sah. Sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* juga diperlukan bagi pengembara yang transit melebihi 12 jam melalui lapangan terbang di negara yang mengalami risiko transmisi *Yellow fever*. Rujuk Lampiran 2 untuk Annex 7, IHR 2005. Langkah-langkah yang diperlukan bagi mencegah penularan penyakit *Yellow fever* di Malaysia adalah seperti berikut:

4.1 Vaksinasi *Yellow fever*

- i. Semua pengembara yang akan melawat ke negara-negara yang berisiko dikehendaki mendapatkan vaksinasi *Yellow fever*, kecuali mereka yang mempunyai kontraindikasi. Sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* hanya akan sah sepuluh (10) hari selepas tarikh vaksinasi diberikan dan sah untuk sepanjang hayat.
- ii. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengiktiraf pusat vaksinasi *Yellow fever* bagi memudahkan pengembara untuk mendapatkan vaksinasi *Yellow fever* (Lampiran 3).
- iii. Semua pengembara yang tiba dari negara yang berisiko dikehendaki membawa bersama sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* yang sah.

4.2 Kuarantin

Seseorang pengembara perlu dikuarantin di stesen kuarantin yang telah dikenalpasti untuk tempoh tidak melebihi enam (6) hari sekiranya:

- i. Pengembara tiba dari negara yang berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* dan didapati tidak membawa bersama sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* yang sah.
- ii. Pengembara transit melebihi 12 jam melalui lapangan terbang di negara yang berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* dan

didapati tidak mempunyai sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* yang sah.

- iii. Pengembara tiba dalam tempoh enam (6) hari dari tarikh berlepas dari negara yang berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*.

4.3 Pengawasan kesihatan

Seseorang pengembara yang tidak mempunyai sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* ataupun sijil tidak sah / diragui dan mereka yang berlepas dari negara berisiko kurang dari enam (6) hari boleh diletakkan di bawah pengawasan kesihatan untuk tempoh tidak melebihi enam (6) hari oleh Pegawai Kesihatan atau Pegawai Diberi Kuasa di bawah Akta 342 dengan kelulusan Pihak Atasan Kementerian Kesihatan Malaysia jika:

- i. Mempunyai bukti kontraindikasi terhadap vaksin *Yellow fever*, atau
- ii. Dalam keadaan tertentu seperti menghadiri acara antarabangsa dengan syarat-syarat seperti berikut;
 - a. Terima permohonan untuk meletakkan pengembara di bawah pengawasan kesihatan dari Ketua Jabatan penganjur
 - b. Penganjur bersetuju untuk membawa pengembara menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan terdekat dalam tempoh pengawasan, dan
 - c. Penganjur bertanggungjawab memastikan laporan harian status kesihatan pengembara dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah/Pintu Masuk sepanjang tempoh pengawasan.

4.4 Kawalan vektor di pintu masuk antarabangsa

- i. Semua pintu masuk antarabangsa di Malaysia perlu menjalankan aktiviti-aktiviti pengawasan dan kawalan vektor mengikut keperluan *Annex 5* di dalam IHR 2005 untuk memastikan bahawa semua pintu masuk antarabangsa di Malaysia bebas dari nyamuk *Aedes aegypti*.
- ii. Prosedur disinsektasi perlu dilakukan bagi semua penerbangan antarabangsa (*Article 27*, IHR 2005) (Lampiran 4). Petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa perlu mendapatkan bukti disinsektasi (bilangan tin-tin aerosol mengikut jenis pesawat / sijil disinsektasi secara residual atau yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau pihak berkuasa yang berkaitan berserta '*General Declaration Of Health*').

4.5. Pendidikan dan promosi kesihatan

Penyebaran maklumat melalui pelbagai cara seperti;

- i. Edaran surat pemakluman mengenai keperluan kesihatan bagi penyakit *Yellow fever* di Malaysia kepada semua Kementerian atau Agensi berkaitan termasuk Wisma Putra, pihak kedutaan melalui Wisma Putra, persatuan agensi-agensi pelancongan dan sebagainya.
- ii. Laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia, edaran risalah, poster dan papan kenyataan di pintu masuk antarabangsa di Malaysia.

5. PROSEDUR PENGENDALIAN PENGEMBARA YANG TIBA DARI NEGARA-NEGARA BERISIKO MENGALAMI TRANSMISI *YELLOW FEVER* DI PINTU MASUK ANTARABANGSA

5.1 Prosedur mendapatkan maklumat ketibaan pengembara dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*

5.1.1 Petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa perlu memainkan peranan proaktif untuk mendapatkan maklumat berkaitan ketibaan pengembara dari negara-negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*. Maklumat boleh diperolehi dengan mendapatkan kerjasama daripada agensi kerajaan atau swasta yang berkaitan seperti;

- i. Pihak penganjur atau urus setia sesuatu acara antarabangsa seperti persidangan/mesyuarat/sukan dan lain-lain;
- ii. Bahagian Protokol, Jabatan Perdana Menteri;
- iii. Wisma Putra, Kementerian Luar Negeri;
- iv. Pengurusan pintu masuk antarabangsa; atau
- v. Lain-lain sumber.

5.1.2 Maklumat yang perlu diperolehi bagi memudahkan pengendalian pengembara yang tiba dari negara berisiko di pintu masuk negara adalah termasuk;

- i. Nama penganjur dan status sama ada kerajaan atau swasta;
- ii. Maklumat acara yang akan dihadiri atau diadakan di Malaysia;
- iii. Maklumat terkini mengenai status wabak *Yellow fever* bagi negara-negara berisiko;

- iv. Maklumat peserta seperti nama, jawatan, status dan bilangan peserta;
- v. Jangkaan tarikh dan masa ketibaan di pintu masuk antarabangsa Malaysia;
- vi. Nombor penerbangan/pesawat;
- vii. Status vaksinasi *Yellow fever* pengembara;
- viii. Salinan sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* melalui faks atau e-mel sebelum ketibaan pengembara tersebut (sebagai rujukan awal).

5.2 Prosedur Pemeriksaan ke atas Pengembara yang tiba dari Negara Berisiko Mengalami Transmisi *Yellow Fever*

Tanggungjawab petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa

- i. Petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa perlu bekerjasama dengan pihak Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi mendapatkan bantuan dalam menjalankan pemeriksaan kesihatan di pintu masuk antarabangsa.
- ii. Memaklumkan kepada pihak JIM mengenai pengembara yang tiba dari negara berisiko perlu dirujuk kepada pihak kesihatan untuk tujuan pemeriksaan kesihatan.
- iii. Meneliti dokumen perjalanan bagi pengembara yang dirujuk oleh pihak JIM dan mengesahkan bahawa pengembara tiba dari atau pernah melawat negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever*.
- iv. Pengembara yang transit melalui lapangan terbang 12 jam atau kurang dari negara berisiko transmisi *Yellow fever* boleh diberikan pelepasan kesihatan.
- v. Memeriksa sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* bagi pengembara yang tiba atau transit melebihi 12 jam melalui lapangan terbang dari negara berisiko transmisi *Yellow fever*.
- vi. Melengkapkan **Slip Pengesahan Kesihatan** (Lampiran 5) sekiranya sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* adalah sah ataupun pengembara telah keluar dari negara berisiko melebihi enam (6) hari.
- vii. Menyerahkan **Slip Pengesahan Kesihatan** bersama-sama dengan passport dan sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* kepada pengembara berkenaan atau pegawai penganjur acara antarabangsa (jika berkaitan).


Pengembara ini diberi pelepasan kesihatan dan dibenarkan masuk ke Malaysia.

- vii. Bagi pengembara yang tidak mempunyai atau sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* tidak sah dan mereka yang berlepas dari negara berisiko kurang dari enam (6) hari, petugas kesihatan perlu menyemak maklumat berikut sebelum dirujuk kepada Pegawai Kesihatan atau Pegawai Diberi Kuasa:-
 - a. Pengembara mempunyai bukti kontraindikasi terhadap vaksin *Yellow fever* (contoh: surat pengesahan dari Pengamal Perubatan atau dokumen yang berkaitan)
 - b. Pengembara menunjukkan dokumen yang mengesahkan beliau hadir ke Acara Antarabangsa atas jemputan dari Ketua Jabatan penganjur.

Peringatan:

1. Sebarang permohonan untuk meletakkan pengembara di bawah pengawasan kesihatan perlu mendapatkan kelulusan Pihak Atasan KKM.
2. Bagi permohonan untuk meletakkan peserta Acara Antarabangsa di bawah pengawasan kesihatan perlu mematuhi syarat-syarat berikut;
 - a. Terdapat permohonan dari Ketua Jabatan penganjur untuk meletakkan pengembara di bawah pengawasan kesihatan.
 - b. Penganjur bersetuju untuk membawa pengembara menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan terdekat dalam tempoh pengawasan, dan
 - c. Penganjur bersetuju bertanggungjawab memastikan laporan harian status kesihatan pengembara dihantar ke Pejabat Kesihatan Daerah/Pintu Masuk sepanjang tempoh pengawasan.

Carta Alir Pemeriksaan Ke atas Pengembara yang tiba dari Negara Berisiko Mengalami Transmisi *Yellow fever* Di Pintu Masuk Antarabangsa




5.3 Prosedur Kuarantin

Tanggungjawab petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa

- i. Melengkapkan **Surat Perintah Kuarantin** Seksyen 14, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 (Lampiran 6) dan serahkan kepada pengembara. Penjelasan perlu diberikan kepada pengembara bahawa beliau perlu dikuarantin untuk tempoh tertentu kerana tidak mempunyai sijil vaksinasi antarabangsa *Yellow fever* atau sijil yang tidak sah.
- ii. Pengembara yang dikuarantin perlu ditemuduga mengenai tanda-tanda dan gejala penyakit *Yellow fever* dan sejarah kesihatan pengembara. Pemeriksaan klinikal ke atas pengembara perlu dilakukan setiap hari sehingga tamat tempoh kuarantin.
- iii. Semua maklumat dan pemeriksaan yang dijalankan semasa kuarantin hendaklah direkodkan dalam format **Maklumat Yang Perlu Diperolehi Dari Pengembara Yang Dikuarantin** (Lampiran 7).
- iv. Sekiranya tamat tempoh kuarantin dan pengembara tiada tanda dan gejala penyakit *Yellow fever*, pengembara akan diberi surat **Pelepasan Kuarantin Kesihatan** (Lampiran 8)] dan diberi pelepasan kesihatan.
- v. Pengembara yang mempunyai sebarang tanda ataupun gejala perlu dirujuk kepada pegawai perubatan. Sekiranya memerlukan rawatan lanjut, pengembara hendaklah dirujuk ke hospital yang berhampiran dengan **Kad Rawatan Kuarantin** (Lampiran 9).
- vi. Bagi Pintu Masuk Antarabangsa yang tidak mempunyai stesen kuarantin, kemudahan ini perlu diwujudkan di hospital atau di fasiliti kesihatan yang berhampiran. Semua pengembara yang dikuarantin perlu disediakan kemudahan asas stesen kuarantin termasuk makan minum yang ditanggung oleh Kerajaan.
- vii. Bagi pintu masuk pelabuhan, mana-mana kapal yang tiba dari negara berisiko mengalami transmisi *Yellow fever* kurang dari enam (6) hari, pengembara dan anak kapal yang tidak mempunyai sijil suntikan vaksin *Yellow fever* yang sah akan dikuarantin di atas kapal/tidak dibenarkan memasuki Malaysia untuk tempoh kuarantin.

Carta Alir Tindakan Ke Atas Pengembara Yang Dikuarantin



5.4 Prosedur Pengawasan Kesihatan

5.4.1 Tanggungjawab petugas kesihatan di pintu masuk antarabangsa

- i. Memastikan semua permohonan untuk meletakkan pengembara di bawah pengawasan kesihatan telah mendapat kelulusan Pihak Atasan KKM.
- ii. Mendapatkan maklumat lengkap pengembara dan penganjur bagi pengembara yang hadir Acara Antarabangsa.
- iii. Melengkapkan **Surat Perintah Pengawasan** yang dikeluarkan di bawah Subseksyen 15(1) Akta 342 (Lampiran 10) serta **Borang Pengawasan Yellow fever** (Lampiran 11) dan serahkan kepada pengembara. Penjelasan perlu dibuat kepada pengembara bahawa beliau diletakkan di bawah pengawasan kesihatan untuk tempoh tertentu kerana tidak mempunyai sijil vaksinasi antarabangsa yang sah terhadap *Yellow fever*.
- iv. Bagi pengembara yang hadir acara antarabangsa, Pegawai Penganjur pula diberikan dokumen **Pengakuan Penganjur Bagi Orang Dalam Pengawasan Kepada Pegawai Diberi Kuasa** untuk memastikan pengembara melaporkan diri kepada Pejabat Kesihatan sepanjang tempoh pengawasan (Lampiran 12).
- v. Maklumkan keperluan pengawasan kesihatan ke atas pengembara dan semua dokumen berkaitan pengembara yang diletakkan di bawah pengawasan kesihatan kepada Pejabat Kesihatan berhampiran melalui faks, e-mel dan lain-lain untuk tindakan susulan.
- vi. Rekod salinan surat perintah pengawasan kesihatan dan Borang Pengawasan *Yellow fever surveillance* di pejabat kesihatan di pintu masuk antarabangsa yang mengeluarkan perintah pengawasan.

5.4.2 Tanggungjawab petugas kesihatan di Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran


- i. Periksa dokumen pengembara yang diterima dari Pejabat Kesihatan pintu masuk dan membandingkan maklumat lengkap dengan **Surat Perintah Pengawasan** (Lampiran 10) yang diperolehi daripada pengembara.
- ii. Hubungi pengembara dan penganjur setiap hari untuk memastikan pengembara yang dikenakan pengawasan kesihatan menjalani pemeriksaan kesihatan di fasiliti kesihatan berhampiran tempat penginapan di Malaysia selama tempoh pengawasan.

- iii. Dapatkan status pengembara sama ada mereka mempunyai tanda-tanda dan gejala penyakit *Yellow fever* seperti di dalam **Borang Pengawasan *Yellow fever*** (Lampiran 11) dan menjalankan pemeriksaan seperti di dalam dokumen **Pengakuan Penganjur Bagi Orang Dalam Pengawasan Kepada Pegawai Diberi Kuasa** (Lampiran 12).
- iv. Sekiranya pengembara gagal melapor status kesihatan kepada Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran, tindakan hendaklah diambil oleh Pejabat Kesihatan yang berhampiran untuk menghubungi pengembara atau pihak penganjur dan membuat lawatan pemeriksaan ke tempat penginapan pengembara bagi memastikan pengawasan kesihatan dapat diteruskan.
- v. Mengingatkan pengembara/penganjur sekiranya pengembara yang diletakkan di bawah pengawasan kesihatan mempunyai gejala penyakit *Yellow fever* atau penyakit berjangkit, pengembara atau penganjur hendaklah melaporkannya ke Pejabat Kesihatan berhampiran. Tindakan hendaklah diambil segera untuk membuat siasatan dan merujuk pengembara berkenaan ke hospital atau fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan lanjut.
- vi. Sekiranya pengembara disyaki menghidap penyakit *Yellow fever*, pemakluman perlu dilakukan kepada CPRC Negeri dan CPRC Kebangsaan dengan segera dalam tempoh 24 jam.
- vii. Sekiranya tamat tempoh pengawasan dan pengembara tidak mempunyai tanda dan gejala penyakit *Yellow fever*, pengembara akan diberi pelepasan kesihatan.

5.4.3 Tanggungjawab Pegawai Perubatan di Hospital yang menerima rujukan

- i. Menjalankan pemeriksaan perubatan ke atas pengembara. Sekiranya disyaki mendapat jangkitan *Yellow fever*, pengembara hendaklah dimasukkan ke hospital, diasingkan dan diberi rawatan yang sewajarnya. Notifikasi hendaklah dibuat dalam tempoh 24 jam kepada Pejabat Kesihatan yang berhampiran.
- ii. Sekiranya didapati bukan penyakit *Yellow fever*, pengurusan penyakit adalah mengikut diagnosa. Pengembara perlu menjalani aktiviti pengawasan kesihatan sehingga tamat tempoh pengawasan.


Carta Alir Tindakan Ke Atas Pengembara Yang Diletakkan Di Bawah Pengawasan Kesihatan



BIBLIOGRAFI

1. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342)
2. Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975
3. *International Health Regulations 2005*
4. *MyHealth Portal*, Kementerian Kesihatan Malaysia, 2013
5. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.1 – 2006, Prosedur Pengendalian Pelawat Dari Negara Endemik *Yellow fever*.
6. WHO. *District guidelines for yellow fever surveillance*. 1998
7. WHO. *International Travel and Health*. 2014

NEGARA-NEGARA BERISIKO MENGALAMI TRANSMISI YELLOW FEVER

Negara – Negara Afrika	Negara-negara Amerika Tengah dan Amerika Selatan
	
<ol style="list-style-type: none"> 1. Angola 2. Benin 3. Burkina Faso 4. Burundi 5. Cameroon 6. Central Africa Republic 7. Chad 8. Congo 9. Côte d'Ivoire (Ivory Coast) 10. Democratic Republic Of Congo 11. Equatorial Guinea 12. Ethiopia 13. Gabon 14. Gambia 15. Ghana 16. Guinea 17. Guinea-Bissau 18. Kenya 19. Liberia 20. Mali 21. Mauritania 22. Niger 23. Nigeria 24. Rwanda 25. Senegal 26. Sierra Leone 27. Sudan 28. Sudan Selatan 29. Togo 30. Uganda 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Argentina 2. Bolivia 3. Brazil 4. Colombia 5. Ecuador 6. French Guiana 7. Guyana 8. Paraguay 9. Panama 10. Peru 11. Suriname 12. Trinidad & Tobago 13. Venezuela

Sumber: WHO - Negara-Negara Berisiko Mengalami Transmisi *Yellow fever*, 2014. Senarai ini boleh berubah mengikut senarai terkini dari WHO.

ANNEX 7, IHR 2005

REQUIREMENTS CONCERNING VACCINATION OR PROPHYLAXIS FOR SPECIFIC DISEASES

1. *In addition to any recommendation concerning vaccination or prophylaxis, the following diseases are those specifically designated under these Regulations for which proof of vaccination or prophylaxis may be required for travellers as a condition of entry to a State Party:*

Vaccination against yellow fever.

2. *Recommendations and requirements for vaccination against yellow fever:*

(a) *For the purpose of this Annex:*

(i) *the incubation period of yellow fever is six days;*

(ii) *yellow fever vaccines approved by WHO provide protection against infection starting 10 days following the administration of the vaccine;*

(iii) *this protection continues for the life of the person vaccinated; and*

(iv) *the validity of a certificate of vaccination against yellow fever shall extend for the life of the person vaccinated, beginning 10 days after the date of vaccination.*

(b) *Vaccination against yellow fever may be required of any traveller leaving an area where the Organization has determined that a risk of yellow fever transmission is present.*

(c) *If a traveller is in possession of a certificate of vaccination against yellow fever which is not yet valid, the traveller may be permitted to depart, but the provisions of paragraph 2(h) of this Annex may be applied on arrival.*

(d) *A traveller in possession of a valid certificate of vaccination against yellow fever shall not be treated as suspect, even if coming from an area where the Organization has determined that a risk of yellow fever transmission is present.*

(e) *In accordance with paragraph 1 of Annex 6 the yellow fever vaccine used must be approved by the Organization.*

(f) *States Parties shall designate specific yellow fever vaccination centres within their territories in order to ensure the quality and safety of the procedures and materials employed.*

(g) *Every person employed at a point of entry in an area where the Organization has determined that a risk of yellow fever transmission is present, and every member*

of the crew of a conveyance using any such point of entry, shall be in possession of a valid certificate of vaccination against yellow fever.

(h) A State Party, in whose territory vectors of yellow fever are present, may require a traveller from an area where the Organization has determined that a risk of yellow fever transmission is present, who is unable to produce a valid certificate of vaccination against yellow fever, to be quarantined until the certificate becomes valid, or until a period of not more than six days, reckoned from the date of last possible exposure to infection, has elapsed, whichever occurs first.

(i) Travellers who possess an exemption from yellow fever vaccination, signed by an authorized medical officer or an authorized health worker, may nevertheless be allowed entry, subject to the provisions of the foregoing paragraph of this Annex and to being provided with information regarding protection from yellow fever vectors. Should the travellers not be quarantined, they may be required to report any feverish or other symptoms to the competent authority and be placed under surveillance.

**PUSAT VAKSINASI *YELLOW FEVER* YANG DIKTIRAF OLEH KEMENTERIAN
KESIHATAN MALAYSIA (SEHINGGA 30 September 2014)**

APPROVED YELLOW FEVER VACCINATING CENTRES IN MALAYSIA		
1.	Pejabat Kesihatan Pelabuhan Pulau Pinang 1 st Floor, Tuanku Syed Putra Building Jalan Downing, 10300 Pulau Pinang. Tel: 04-2611264, 04-2644918	PULAU PINANG
2.	BP Diagnostic Centre 275, Jalan Kampar 30250 Ipoh, Perak Tel: 05-2559090 Ext 402	PERAK
3.	Klinik Kesihatan Jelapang (Pejabat Kesihatan Kinta) Jalan Jelapang 30010, Ipoh, Perak. Tel: 05-5286158, Fax. 05-5272355	PERAK
4.	Klinik Berkat No. 75-4A, Jalan Mamanda 1, Ampang Point 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan Tel: 03-42515450	SELANGOR
5.	KPJ Selangor Specialist Hospital Lot 1, Jalan Singa 20/1 Section 20, 40300 Shah Alam Tel: 03-5543 1111, Fax: 03-5543 1722	SELANGOR
6.	Klinik Noridah VG 30, Jalan Plumbum V7/V Pusat Komersial Seksyen 7 40000 Shah Alam Tel: 03-5510 1009 Fax: 03-5510 1009	SELANGOR
7.	Klinik Mediviron No. 20 A, Jalan Jubli Perak 22/1 Seksyen 22 , 40300 Shah Alam, Selangor Tel: 03-5567 9667 Fax: 03-5567 9667	SELANGOR
8.	Poliklinik Sri Permai No. 11, Jalan P9 B/1 Presint 9, 62259 Putrajaya Tel: 03-88880268	PUTRAJAYA

APPROVED YELLOW FEVER VACCINATING CENTRES IN MALAYSIA		
9.	Klinik Kesihatan Putrajaya No. 1, Jalan P9E, Presint 9 62250 Putrajaya. Tel: 03-88883057	PUTRAJAYA
10	Virus Research Division 1 st Floor, Institute of Medical Research Jalan Pahang, 50588 Kuala Lumpur. Tel: 03-26986033	WP KUALA LUMPUR
11.	The KL Clinic Mezzanine Floor, East Wing Rohas Perkasa, No. 9, Jalan P. Ramlee 50250 Kuala Lumpur 03-21660395 Faks 03-2181 3362	WP KUALA LUMPUR
12.	Twin Towers Medical Centre KLCC Sdn. Bhd. KLCC, Lot LC 402-404, Level 4 Suria KLCC, KL City Centre 50088, Kuala Lumpur. Tel: 03-23823500, 03-23823577	WP KUALA LUMPUR
13.	Klinik Kita Lot F-23, First Floor City Point Kompleks Daya Bumi Jalan Sultan Hishamuddin, 50050, Kuala Lumpur. Tel: 03-26989740, 03-26980740	WP KUALA LUMPUR
14.	Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan (Bhg. Kesihatan Primer – untuk anggota tentera sahaja) No. 3, Jalan 4/27A, Section 2, Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur Tel: 03-4145 4200	WP KUALA LUMPUR
15	Klinik Yong Tingkat 2, Wisma Maran No. 28, Medan Pasar 50050 Kuala Lumpur Tel; 03-20720808, Fax 03-20310487	WP KUALA LUMPUR
16.	Drs Young Newton dan Rakan-Rakan Level 1-01, Cape Square, Signature Office No. 11, Persiaran Cape Square Blok A, Capital Square 50100, Kuala Lumpur	WP KUALA LUMPUR

APPROVED YELLOW FEVER VACCINATING CENTRES IN MALAYSIA

	Tel: 03 26982967	
17.	Prince Court Medical Centre Sdn. Bhd. 39, Jalan Kia Peng 50450, Kuala Lumpur Tel: 03- 21600000 ext 2984/3860	WP KUALA LUMPUR
18.	Klinik Integral Occupational Health Services Sdn. Bhd. Lot 2-05, Level 2 Menara HLA No. 3 Jalan Kia Peng 50450, Kuala Lumpur Tel: 03-21712882, Faks: 03-21712992	WP KUALA LUMPUR
19.	Gleneagles Intan Medical Centre Lot 286, Jalan Ampang 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-41413135, Faks 03-42552980	WP KUALA LUMPUR
20.	Kuala Lumpur Sports Centre Sdn. Bhd. 7th Floor, Wisma Perintis Jalan Dungun, Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur Tel: 03-20961033 Fax: 03-20961500	WP KUALA LUMPUR
21.	Pantai Medical Centre Sdn. Bhd. No. 8, Jalan Bukit Pantai 59100 Kuala Lumpur Tel: 03-2296 0888 Fax: 03-2282 1557	WP KUALA LUMPUR
22.	Pusat Perubatan Menara Sdn. Bhd. Level 26, Menara TM Annexe 2 No. 1, Jalan Pantai Jaya Off Jalan Pantai Baharu 59200 Kuala Lumpur Tel: 03-2241 4101 Fax: 03-2241 4102	WP KUALA LUMPUR
23.	Berkat Sentral Clinic (BSC) G11 – G12 Ground Floor Platinum Sentral, Jalan Stesen 2 50470 Kuala Lumpur	WP KUALA LUMPUR
24.	Pejabat Kesihatan Johor Bahru Jalan Abu Samad, 80100 Johor Bahru, Johor. Tel: 07-2224711, 07-2224818	JOHOR
25.	Poliklinik Komuniti Beserah Jalan Beserah, 26100, Kuantan	PAHANG

APPROVED YELLOW FEVER VACCINATING CENTRES IN MALAYSIA

	Negeri Pahang Darul Makmur Tel: 09-5445633	
26.	Health Office Divisional Health Department Kuching Division, Jalan Tun Zaidi Addrucce 93150, Kuching, Sarawak. Tel: 082-432563	SARAWAK
27.	Health Office Divisional Health Department Sibu Division, 5 th Floor Wisma Persekutuan, Block 3 Persiaran Brooke, 96000 Sibu, Sarawak. Tel: 084-315494	SARAWAK
28.	Columbia Asia Medical Centre Lot 1035-1039 Jalan Bulan Sabit, CDT 155 98009, Miri, Sarawak. Tel: 085-437755	SARAWAK
29.	Klinik Cheu SB Lot 512, Pelita Commercial Centre 98000, Miri Sarawak Tel: 085-438068, Fax: 085-43807	SARAWAK
30.	Columbia Asia 21st Century Healthcare Lot 3582, Block 26, Jalan Sri Ikhwan Kemena Land District Tanjung Kidurong 97000 Bintulu, Sarawak Tel: 086-251888 Faks 086-252888	SARAWAK
31.	Bintulu Medical Centre Lot 6009, Block 31, Kemena Land District 97000 Bintulu, Sarawak. Tel: 086-330333 Faks 086-330777	SARAWAK
32.	Normah Medical Specialist Centre Section 30 KTL D Jalan Tun Abdul Rahman, Petra Jaya 93050, Kuching, Sarawak Tel: 082-440055 Fax: 082-442600	SARAWAK
33.	Klinik Kesihatan Luyang Off, Jalan Lintas, 88300 Luyang,	

APPROVED YELLOW FEVER VACCINATING CENTRES IN MALAYSIA		
	Kota Kinabalu, Sabah Tel: 088-715000	SABAH
34.	Klinik Kesihatan Sandakan KM 3.2 Jalan Utara 90500 Sandakan, Sabah Tel: 089-225800	SABAH
35.	Klinik Kesihatan Apas Balung Batu 24, Jalan Apas 91008 Tawau, Sabah Tel: 089-951029	SABAH
36.	Klinik Wilayah (L) Sdn. Bhd. U0391, Jalan Bunga Rambai 87069 Labuan Tel: 087-413140 Fax:087-413146	WP LABUAN

Nota: Senarai ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.

PROSEDUR DISINSEKTASI PESAWAT

1. Disinsektasi sebelum berlepas, Disinsektasi "Block Away"

Disinsektasi "Block away" merujuk kepada disinsektasi kabin penumpang dan semua ruang-ruang bahagian dalam kapal terbang yang mudah dimasuki kecuali geladak kapal terbang (*flight deck*), yang perlu dilakukan selepas pintu-pintu telah dikunci di mana penumpang-penumpang telah menaiki kapal tetapi sebelum berlepas. Dispenser aerosol yang menggunakan tangan dengan penggunaan sekali sahaja perlu digunakan, Dispenser hendaklah diberi nombor. Nombor siri bagi dispenser yang digunakan untuk disinsektasi bagi kapal terbang hendaklah dimasukkan ke dalam borang Deklarasi Am Bahagian Kesihatan (*General Declaration of Health*) sebagai bukti telah melakukan disinsektasi. Semua tempat yang berkemungkinan nyamuk berada di dalam kapal terbang hendaklah dirawat termasuk almari-almari, laci-laci dan petak-petak berisi pakaian, bagasi dan muatan. Barang-barang makanan dan perkakas-perkakas dapur di dalam kapal terbang hendaklah dilindungi daripada tercemar.

Geladak kapal terbang hendaklah dirawat pada masa yang sesuai sebelum dipenuhi dengan kakitangan kapal terbang, pintu atau langsir bahagian ini kemudiannya ditutup, kecuali ketika kakitangan melaluinya di mana ia terbuka seketika, sehingga rawatan "*block away*" dan kapal terbang telah berlepas. Sistem ventilasi hendaklah ditutup semasa melakukan semburan dan pada tempoh tidak kurang dari 5 minit selepas semburan.

2. Disinsektasi di daratan semasa ketibaan

Disinsektasi hendaklah dilakukan oleh anak kapal semasa mendarat dan sebelum penumpang keluar dari kapal terbang atau bagasi dan atau muatannya dikeluarkan. Semua tempat yang berkemungkinan nyamuk berada di dalam kapal terbang hendaklah dirawat termasuk almari-almari, laci-laci dan petak-petak berisi pakaian, bagasi dan muatan. Pemerhatian khas hendaklah diberikan kepada ruang-ruang di bawah tempat duduk dan di belakang tong / peti dan bagasi, di mana penyebaran racun serangga adalah perlahan. Bahan-bahan makanan dan perkakas dapur di dalam kapal terbang hendaklah dilindungi daripada dicemar oleh semburan racun serangga.

Bahagian-bahagian penumpang, kakitangan dan muatan, pengalihudara-pengalihudara (*ventilators*) dan semua liang di kapal terbang mestilah ditutup rapat semasa penyemburan dijalankan dan pada tempoh tidak kurang dari 5 minit selepas beroperasi.

SLIP PENGESAHAN KESIHATAN UNTUK PELEPASAN

PENGESAHAN KESIHATAN Health Clearance
TARIKH: _____
Date
NAMA: _____
Name
NO.PASPORT: _____
Passport Number
SIJIL KESIHATAN TELAH DIPERIKSA Health Certificate Checked

PEGAWAI KESIHATAN Health Officer
KUARANTIN KESIHATANHealth Quarantine

Nota:

Slip ini diberikan Kepada Pengembara Yang Lulus dalam saringan *Yellow fever* di Pintu Masuk Bagi Pengembara yang Tiba dari Atau Pernah Melawat Negara Berisiko Mengalami Transmisi *Yellow fever*.

**PERINTAH KUARANTIN – SEKSYEN 14, AKTA PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT
QUARANTINE ORDER – SECTION 14, PREVENTION AND CONTROL OF
INFECTIOUS DISEASES ACT 1988**



**GOVERNMENT OF MALAYSIA
PREVENTION AND CONTROL OF INFECTIOUS DISEASES ACT
1988
(SECTION 14)**

Full Name Male / Female
Passport NoCountry of Origin
Date of Departure..... Date of Arrival
Address of Residence in Malaysia
.....
.....


Since you have not fulfilled yellow fever vaccination requirements of Malaysia, you are required to be quarantined at the HEALTH QUARANTINE UNIT.....

FROMTO
(date) (date)

Dated thisday of

Before me

.....
(Signature of Authorized Officer)



.....
(Name)

**MAKLUMAT YANG PERLU DIPEROLEHI DARI PENGEMBARA YANG
DIKUARANTIN**

1. Nama
2. Umur
3. Jantina
4. Keturunan
5. No. Kad Pengenalan
6. No. Pasport
7. Negara asal
8. Pekerjaan
9. Tarikh berlepas dari negara asal
10. Tarikh tiba di Malaysia
11. Tujuan datang ke Malaysia
12. Tempat tinggal semasa berada di Malaysia
13. Tarikh suntikan vaksin untuk penyakit *Yellow fever* (jika ada)
14. Tanda & gejala (*sign & symptom*) untuk penyakit *Yellow fever*
 - a. Demam
 - b. Sakit kepala
 - c. Loya
 - d. Muntah
 - e. Sakit belakang
 - f. Sakit-sakit di bahagian otot (seluruh badan)
 - g. *Prostration* (hilang kekuatan, tidak bermaya)
 - h. Jaundis
 - i. Tanda-tanda perdarahan
15. Tanda & gejala penyakit-penyakit lain
16. Sejarah mengenai: (Sama ada seseorang itu ada menghidap sebarang jenis penyakit, pernah menjalani pembedahan, pernah mendapat rawatan di hospital, ubat-ubat yang perlu dimakan setiap hari dan lain-lain).
 - a. Penyakit Perubatan
 - b. Pembedahan
 - c. *Obstetric & Gynecology*
 - d. Alahan (*allergy*) - jenis makanan/ubat dan lain-lain]
 - e. Ubat-ubatan yang dimakan (berapa jenis, nama ubat, kekerapan memakan ubat
 - f. Keluarga yang menghidap sebarang jenis penyakit dan nama penyakit tersebut
 - g. Kemasukan ke dalam wad di hospital (sebab dan bila)

SURAT PELEPASAN KUARANTIN KESIHATAN

PELEPASAN KUARANTIN KESIHATAN HEALTH QUARANTINE CLEARANCE
TARIKH: _____
Date
NAMA: _____
Name
NO. PASPORT: _____
Passport Number
Telah diberi pelepasan dari Pusat Kuarantin Kesihatan (Has been released from Health Quarantine Centre)
<hr/>
PEGAWAI KESIHATAN Health Officer KUARANTIN KESIHATANHealth Quarantine

KAD RAWATAN KUARANTIN

QUARANTINE NO:	PASSPORT NO:
----------------	--------------

PERIHAL PENUMPANG

Nama: _____
 No. Kad Pengenalan/Pasport: _____
 Umur: _____
 Jantina: Lelaki / Perempuan.
 Warganegara: _____
 Alamat di Malaysia: _____

Negara berisiko transmisi *Yellow fever* yang dilawati: _____
 No. Penerbangan: _____
 Tarikh berlepas: _____
 Tarikh dan waktu tiba di Malaysia: _____
 Tujuan lawatan ke Malaysia: _____
 Sijil vaksinasi: Ada / Tiada
 Status sijil: Sah / Tidak Sah
 Tarikh vaksinasi: _____
 Tarikh dikuarantin: _____ hingga _____
 Tarikh discaj: _____

SEJARAH KESIHATAN

Perubatan: Ya / Tidak

Jika Ya: _____
 Rawatan: _____

Pembedahan: Ya / Tidak
 Rawatan: _____

Alergi: Ya / Tidak
 Jika Ya: _____

Tekanan darah: _____
 Nadi: _____
 Suhu: _____
 Tarikh & masa tanda vital diambil: _____
 Jururawat yang bertugas: _____

Tanda-Tanda <i>Yellow fever</i>	Ya	Tidak
Jaundis		
Ruam		
Demam		
Loya		
Muntah		
Sakit Kepala		
Sakit Sendi		
Sakit Tulang Belakang		
'Dark Urine'		

No. Siri :

**SURAT PERINTAH PENGAWASAN YELLOW FEVER
YELLOW FEVER SURVEILLANCE ORDER**

Note: This form is to be given by Authorized Officer to traveller under surveillance

Full Name :
Gender : Male / Female (please circle)
Age :years
Identification Card/Passport No
Country of Origin
Date of Departure.....
Date of Arrival
Address of Residence in Malaysia:
.....
.....

Telephone numbers:

(Handphone) _____ (Residence): _____

1. Whereas I have reasons for believing that you are likely to pose a public health risk because you have not fulfilled the yellow fever vaccination requirements of Malaysia, you are instructed under Subsection 15(1) Act 342 to undergo surveillance for the entire period of days

FROM(date) TO (date)
at the address:

.....
.....

2. During the above period you are required to comply with conditions such as:

- i) Get certification from a private medical practitioner that you are free from the following signs of symptoms;
 - a) Sudden onset of fever
 - b) Backache with generalized muscle pain
 - c) Nausea and vomiting
 - d) Jaundice (yellow discoloration of eye or dark tea – dark coloured urine)
 - e) Bleeding symptoms (e.g. bleeding gum, rose bleed, black tarry stools, etc)
 - f) Any other feeling of being unwell (please specify):


ii) Report to the authorized officer(name of District Health Officer) immediately if you have signs or symptoms as above (illness),

- iii) To prevent the spread of disease, you should take care of personal hygiene at all times and comply with any instructions issued by an authorized officer or by any person acting on its behalf,
- iv) Not to be under any circumstances to be a public health risk to other parties, and
- v) To comply with any directions including medical examination imposed by the authorized officer or by any person on his behalf from time to time.

3. If you fail to comply with this order, action may be taken under Section 22, Act 342.

Dated thisday of
 Before me

.....
 (Signature of Authorized Officer)



.....
 (Name)

I have received, read and understand the order of surveillance as described above.

Signature:
 Name:
 Identity Card No./
 Passport No.
 Telephone No. :
 Address :
 Date:

No. Siri :

**PENGAKUAN PENGANJUR BAGI ORANG DALAM PENGAWASAN
KESIHATAN KEPADA PEGAWAI DIBERI KUASA**

Kepada : **Pegawai Diberi Kuasa**

Alamat

Bahawa saya (nama)

No. kad pengenalan

selaku wakil atau penganjur kepada

Dengan ini berjanji akan melaporkan status kesihatan orang-orang di bawah jagaan saya **setiap hari** kepada pegawai diberi kuasa dengan menghantar laporan status pemeriksaan harian Yellow fever melalui faks ke no: atau e-mel ke:

2. Semasa tempoh di atas, saya akan mematuhi syarat-syarat seperti:
- i) Melaporkan kepada pegawai diberi kuasa dengan segera sekiranya orang-orang di bawah jagaan saya mempunyai tanda atau gejala penyakit seperti berikut;
 - demam kuat
 - jaundis
 - ruam/pendarahan daripada mulut, hidung, mata, dan lain-lain
 - sakit otot terutamanya sakit belakang
 - sakit kepala
 - mual atau muntah
 - atau lain-lain gejala
 - ii) Bagi mencegah penularan penyakit, saya akan memastikan orang-orang di bawah jagaan saya menjaga kebersihan diri pada setiap masa dan mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh pegawai diberi kuasa atau oleh mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya;
 - iii) Memastikan orang-orang di bawah jagaan saya dalam apa jua keadaan tidak mendedahkan risiko kesihatan awam kepada pihak lain; dan
 - iv) Memastikan orang-orang di bawah jagaan saya mematuhi apa-apa

arahan termasuk pemeriksaan yang dikenakan oleh pegawai diberi kuasa atau oleh mana-mana orang yang bagi pihaknya dari semasa ke semasa.

Sekiranya gagal mematuhi perintah ini, tindakan boleh diambil di bawah Seksyen 22, Akta 342.

Tarikh :

No. K/P :

No.Telefon/HP:

Tandatangan :

Nama :

Alamat :

**BORANG PENGAWASAN YELLOW FEVER
YELLOW FEVER SURVEILLANCE FORM**

PERSONAL DETAILS OF TRAVELLER

Full Name :

Passport No./Identification Card No. :

Gender : Male / Female (please circle)

Age :years

Occupation :

Country of Origin :

Date of Departure from country with risk of Yellow fever transmission:

.....

Date of Arrival in Malaysia:

Address in Malaysia:

.....

.....

(Handphone) _____(Residence): _____

Please fill where applicable:

Yellow fever vaccination : Yes / No

Status of vaccination certificate : Valid / Not valid

Date of vaccination :

Date of Quarantine : from _____ to _____

Date of discharge : _____

Date of Surveillance: from _____ to _____

End of surveillance : _____

Name of event organizer/contact person: _____

Telephone numbers:

(Handphone) _____(Residence): _____

Kindly examine the traveller as identified above and report on the symptoms by ticking √ (yes) and X (No) and fill up the signs in the relevant boxes:

Date of examination						
Day	1	2	3	4	5	6
Fever						
Jaundice						
Bleeding tendencies (rash/petechiae, bleeding gum, nose bleed, etc,						
Nausea						
Vomiting						
Headache						
Arthralgia/joint pains						
Back ache						
Blood pressure (mmHg)						
Pulse (bpm)						
Temperature (°C)						
Oxygen saturation						

Signature of doctor: _____

Date : _____

Note: This form has to be filled by the attending medical practitioner and submitted each morning for the duration of surveillance to the _____ Health Office via fax no: _____ or e-mail: _____

Your cooperation is very much appreciated to assist us in preventing and controlling Yellow Fever in Malaysia

